

POLA AYAT DASAR KE-4 BAHASA MELAYU: PEMERIAN DARI PERSPEKTIF PRAGMATIK

Hasmidar Hassan

Abstrak

Pada dasarnya, *Tatabahasa Dewan* (2004:322) telah menggolongkan empat pola ayat dasar bahasa Melayu seperti: (1) Frasa Nama + Frasa Nama, (2) Frasa Nama + Frasa Kerja, (3) Frasa Nama + Frasa Adjektif, dan (4) Frasa Nama + Frasa Sendi Nama. Penggolongan pola ayat dasar oleh *Tatabahasa Dewan* ini dibuat berdasarkan ayat-ayat dasar bentuk permukaan yang terhasil dalam pertuturan ataupun penulisan penutur bahasa Melayu. Bagi pola ayat 1, 2 dan 3, unsur inti yang mengisi konstituen subjek dan predikat itu mengkonsepsikan makna yang jelas dan dapat ditanggapi akal penutur bahasa Melayu. Bagaimanapun, bagi pola ayat 4, unsur inti yang mengisi konstituen predikat, iaitu kata sendi nama jelas sekali berbeza dengan unsur inti yang mengisi predikat pola ayat 1, 2 dan 3 kerana ia tidak mengkonsepsikan sebarang makna konsep pada penutur ataupun pengguna bahasa Melayu. Dengan kata lain, kata sendi nama yang menjadi unsur inti frasa sendi nama dalam konstituen predikat ini tidak mempunyai makna rujukan, sama ada yang bersifat konkrit ataupun abstrak. Hal ini sebenarnya merupakan satu persoalan yang belum terjawab secara sempurna kenapa frasa sendi nama yang unsur intinya diisi oleh kata sendi nama dapat mewakili satu pola dasar bagi ayat bahasa Melayu. Kata sendi yang tidak mengkonsepsikan sebarang makna konsep sepatutnya menyukarkan frasa ini ditanggapi dan difahami oleh penutur ataupun pengguna bahasa Melayu selama ini. Namun hal yang sebaliknya berlaku, frasa sendi nama hadir dalam konstituen predikat dalam ayat-ayat bahasa Melayu dan menampakkan seolah-olah kata sendi ini mempunyai makna yang dikonsepsikan dan difahami oleh penutur ataupun pengguna bahasa Melayu selama ini. Persoalan ini nyata sekali memerlukan penjelasan dan analisis

yang mendalam berdasarkan konteks penggunaan yang sebenar dalam kehidupan seharian penutur dan pengguna bahasa Melayu. Dan kajian seumpama ini hanya dapat ditangani oleh bidang pragmatik, satu-satunya bidang kajian dalam linguistik yang dapat menjelaskan dan memerikan makna dan penggunaan bahasa berdasarkan konteks. Dengan menggunakan pendekatan pragmatik, khususnya kerangka teori Relevans, pengkaji percaya persoalan pola ayat ke-4 yang digunakan oleh penutur dan pengguna bahasa Melayu dapat dijawab dengan lebih kritis dan empiris berdasarkan prinsip-prinsip relevans kognitif dan komunikatif serta idea-idea yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1986,1995).

Abstract

Basically, Tatabahasa Dewan (2004:322) has classified four basic sentence patterns of Malay language i.e (1) Noun Phrase + Noun Phrase, (2) Verb Phrase + Noun Phrase, (3) Adjective Phrase + Noun Phrase, and (4) Noun Phrase + Prepositional Phrase. The classification of this basic sentence pattern by Tatabahasa Dewan was made based on the surface form of basic sentences resultant in speech or writing of Malay language speaker. For sentence pattern 1, 2 and 3, the elements that fill up the subject and predicate constituents conceptualize clear meaning and can be accepted by Malay language speaker. However, for sentence pattern 4, the element that fills up the predicate constituent, namely preposition stand out a mile contrasts with the elements that fill up the predicate of sentence pattern of 1,2 and 3 because it does not conceptualize any concept meaning to the speaker or user of the Malay language. In other words, preposition that fills up the predicate constituent had no referential meaning either that behave concrete or abstract. This case seem to be a question which has not yet answered immaculately why prepositional phrase,filling the predicate constituent be able to represents one basic pattern of Malay language sentence pattern. Preposition that does not conceptualize any concept meaning would supposedly make it difficult for this phrase to be understood by speakers and users of Malay. This assumption however does not hold true as the prepositional phrase occurs in the predicate constituent in Malay sentences and the preposition seems to have a meaning that is conceptualised and understood by speakers and users of Malay. This issue significantly needs profoundest explanation and analysis based on real context of use in daily life of Malay language speaker. And this study can only be tackled by pragmatic field, a field which able to define and describe

meaning and language use based on context. By using pragmatic approach, especially Relevance theoretical framework, it is believed that this 4th basic sentence pattern issue used by Malay language speaker is answerable in more critical and empirical way based on cognitive and communicative principles of relevance and those ideas proposed by Sperber and Wilson (1986,1995).

PENDAHULUAN

Kajian bahasa Melayu, khususnya terhadap beberapa aspek tatabahasa yang mendasari sistem kod bahasa telah diteliti oleh banyak pihak. Namun penyelidikan terhadap aspek tatabahasa ini nyata masih belum dapat dianggap meluas dan mantap kerana pendekatan ataupun teori yang digunakan masih terhad kepada teori yang sama; pendekatan struktural, dan tumpuan kajian pula banyak diberikan kepada aspek leksikal dan beberapa banyak ayat tunggal yang terhasil oleh intuisi pengkaji sendiri. Walaupun ada yang mengutip beberapa petikan ayat, ayat tersebut tidak pula dilihat dalam satu kesatuan wacana yang lengkap dengan mengambil kira peranan konteks. Sedangkan aspek konteks itu amat penting bagi menjelaskan kewujudan bentuk dan pola bahasa, corak pemikiran dan budaya penutur Melayu itu sendiri.

Bagaimanapun bidang penyelidikan bahasa kini harus dikembangkan lagi dan tidak seharusnya berhenti atas dasar apa sekalipun. Beberapa persoalan bahasa yang tidak terjawab ini haruslah ditangani berdasarkan pendekatan dan teori terkini yang lebih empiris dan praktis agar generasi akan datang tidak menyalahkan penyelidik dan sarjana bahasa kini yang kerap kali menyogok jawapan “kekecualian” dan “kelaziman” bagi setiap persoalan yang dikemukakan akibat keterhadan dan batas kemampuan pendekatan struktural dan teori-teori lain yang bebas konteks.

Atas dasar inilah maka pengkaji mengetengahkan analisis ini bagi menjawab persoalan kewujudan pola ayat dasar ke-4 bahasa Melayu dari perspektif pragmatik, khususnya dengan menggunakan teori Relevans dan berlandaskan data korpus yang diperoleh daripada pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Penggunaan data korpus yang meluas penting, kerana dengan cara-cara yang tertentu ia dapat menguji dan menentusahkan pernyataan-pernyataan yang dibuat dalam analisis ini. Yang lebih penting, penggunaan data korpus ini dapat menjelaskan penggunaan bahasa dengan tepat di samping mampu memperlihatkan fungsi penggunaan bahasa dengan lebih berkesan.

Pendekatan Pragmatik dalam Kajian Tatabahasa Bahasa Melayu

Pragmatik yang merupakan salah satu disiplin linguistik, mengkaji bahasa dari perspektif fungsional, tentang sifat kebergantungan konteks dalam penggunaan bahasa dan pemahaman bahasa, dan kajian tentang kesan penggunaan bahasa dalam nahu bahasa (Levinson, 1983:5–35). Pendekatan pragmatik dapat menjawab persoalan yang timbul dengan lebih berpeda dan sempurna kerana pendekatan ini, khususnya teori Relevans menekankan kepentingan aspek konteks, dan implikasi kognitif yang dimanifestasikan oleh penutur dalam proses penginterpretasian sesuatu ujaran. Dengan kata lain, pendekatan ini dapat menjelaskan bagaimana pendengar membuat inferens maksud penutur berdasarkan input dan bukti yang diberikan. Hal ini membolehkan aspek-aspek yang melampaui kod dan struktur, dicungkil dan dianalisis secara praktis sekali gus memenuhi tuntutan penyelidikan semasa.

Teori Relevans

Kajian ini didasari oleh teori Relevans (TR) yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan diperkemas pada tahun 1995. Idea utama yang diketengahkan oleh teori Relevans ini ialah setiap ujaran membangkitkan jangkakan relevan yang mencukupi dan boleh dijangkakan untuk memandu atau membantu pendengar memahami maksud penutur dengan cara yang munasabah.

Dalam usaha memproses sesuatu ujaran, pendengar akan berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevan secara optimum dan setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif¹ yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih (dianggap sebagai kos memproses) untuk mencapai kesan yang dimaksudkan.

Relevan yang optimum ini diandaikan dapat dicapai oleh pendengar kerana Sperber dan Wilson berpendapat bahawa:

“Untuk mengatakan bahawa suatu proposisi mendukung andaian relevan bermaksud proposisi itu membangkitkan kesan konteks yang perlu bagi setiap ujaran itu mencapai tahap relevans yang optimum.”

(Carston dan Blakemore, 1999: 7)

¹ Sebelum *Relevance: Communication and Cognition* (1995) edisi kedua, istilah yang digunakan ialah kesan konteks.

Tambah Sperber dan Wilson, setiap ujaran membangkitkan andaian relevans kerana matlamat untuk mencapai relevan merupakan ciri asas kognisi manusia, yang boleh dieksploitasi oleh penutur (2002:608).

Bagi mencapai relevan yang optimum, Sperber dan Wilson (2002:608) menjelaskan bahawa pendengar akan memproses sebarang rangsangan luar atau representasi dalaman yang menjadi input kepada proses kognitif yang mungkin relevan kepada seseorang individu pada suatu masa yang tertentu. Semua input yang relevan secara maksimum akan dikaitkan dengan maklumat latar belakang seseorang individu dan berdasarkan syarat TR, sesuatu input adalah relevan pada seseorang individu hanya apabila pemrosesan input ini dalam konteks andaian yang ada menghasilkan kesan kognitif yang positif. Menurut Sperber dan Wilson, kesan kognitif yang positif berbeza mengikut representasi seseorang individu terhadap dunia, kesimpulan yang benar misalnya merupakan kesan kognitif yang positif, kesimpulan yang palsu pula walaupun dianggap kesan kognitif tetapi bukan kesan kognitif yang positif (1995:3.1–3.2).

Kesan kognitif yang paling penting yang dicapai melalui pemrosesan input dalam konteks ialah implikasi konteks, iaitu suatu kesimpulan yang dibuat berdasarkan gabungan antara input dengan konteks, dan bukannya daripada input atau konteks sahaja.

Menurut Sperber dan Wilson, kesan kognitif positif ini berubah-ubah akibat maklumat baharu yang diterima oleh pendengar. Maklumat ataupun input baharu yang diterima ini akan disesuaikan dengan andaian sedia ada pendengar melalui tiga cara, iaitu melalui penggabungan, pengukuhan andaian sedia ada, dan pertentangan dan pengguguran andaian sedia ada untuk mencapai kesan kognitif positif. Dalam hal ini, sekiranya kesan kognitif yang tinggi dicapai dengan usaha memproses input yang rendah maka kerelevanan input tersebut adalah cukup tinggi, tetapi jika usaha memproses input yang melibatkan persepsi, memori dan inferens adalah tinggi maka kesan kognitif yang dicapai akan menjadi rendah. Oleh itu, input tersebut tidak lagi relevan dan tidak lagi menarik perhatian pendengar.

Prinsip-prinsip TR

TR digagaskan berdasarkan pandangan umum teori kognitif terhadap kognisi manusia yang sentiasa bermatlamatkan maklumat yang paling relevan dengan kos memproses yang minimum semasa memproses ujaran. Berdasarkan idea asas inilah maka, Sperber dan Wilson telah mengagaskan

HASMIDAR HASSAN

dua prinsip relevans, iaitu prinsip tentang peranan relevans dalam kognisi dan prinsip komunikasi manusia.

i. Prinsip Relevans Kognitif

- Kognisi manusia cenderung untuk mencapai relevan yang maksimum.

Prinsip ini merupakan idea asas yang mendasari TR. Menurut Sperber dan Wilson (2002:260–266) kecenderungan kognitif yang sejagat untuk memaksimumkan relevan menjadikan prinsip relevans ini berkemungkinan, dan sekurang-kurangnya untuk menjangkakan dan memanipulasi keadaan pemikiran '*mental states*' penutur. Oleh sebab setiap pendengar sentiasa berkecenderungan untuk memilih hanya rangsangan (input) yang paling relevan dalam persekitarannya dan memproses input-input ini bagi mencapai relevan yang paling maksimum, maka penutur pula akan bertindak menghasilkan rangsangan yang dapat menarik perhatian, membantu menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dikehendaki. Tambah Sperber dan Wilson, penutur yang menggunakan rangsangan yang ostensif dapat mewujudkan andaian relevans yang lebih tepat dan yang dijangkakan kerana pendengar berpendapat bahawa rangsangan ostensif ini berbaloi diproses untuk mencapai relevan yang optimum.

ii. Prinsip Relevans Komunikatif

- Setiap tingkah laku komunikasi ostensif menyampaikan suatu andaian relevans yang optimum.

Menurut Sperber dan Wilson, Prinsip Relevans Komunikatif dan Relevans Optimum merupakan kunci kepada TR pragmatik. Menurut mereka, rangsangan ostensiflah yang mewujudkan andaian relevans yang optimum melalui usaha memproses dan kesan konteks. Oleh itu, dalam edisi kedua ini, Sperber dan Wilson (1995:270) telah mengetengahkan formulasi baharu seperti yang berikut:

iii. Andaian bagi Relevan yang Optimum:

- a. Rangsangan ostensif cukup relevan bagi pendengar berusaha memprosesnya; dan
- b. Rangsangan ostensif adalah yang paling relevan dan bersesuaian dengan kebolehan dan pilihan penutur.

Berdasarkan klausa (a), relevan optimum dicirikan oleh rangsangan yang ostensif yang sekurang-kurangnya cukup relevan untuk diproses oleh pendengar dibandingkan dengan sebarang input alternatif yang lain pada masa itu.

Menurut klausa (b) pula, relevan yang optimum dicirikan oleh rangsangan ostensif yang paling relevan yang disampaikan oleh penutur dalam batas keupayaan dan pilihan penutur. Penutur perlu menjadikan rangsangan ostensif tersebut semudah mungkin bagi pendengar memahaminya dan menyediakan bukti yang bukan hanya untuk kesan kognitif yang dihajati untuk dicapai, tetapi juga sebagai kesan kognitif seterusnya yang perlu untuk menarik perhatian pendengar memahami matlamatnya. Hal ini kerana penutur itu sendiri bermatlamatkan maklumat yang disampaikan difahami. Apabila penutur menghasilkan rangsangan ostensif yang paling relevan, yang menimbulkan kesan yang banyak, maka usaha memproses yang diperlukan adalah sedikit (Sperber dan Wilson, 1995:266–278).

Kesimpulannya, TR merupakan teori yang menganggap interpretasi ujaran sebagai proses mental, iaitu kognisi manusia cenderung terarah untuk memaksimumkan relevan. Manakala prinsip relevans komunikatif pula (yang menegaskan bahawa rangsangan ostensif menyampaikan suatu andaian yang cukup optimum) merupakan suatu peraturan umum yang mematuhi prinsip relevans kognitif dan juga pandangan umum tentang komunikasi sebagai proses inferensi. Atas dasar inilah Sperber dan Wilson (2002:607) berpendapat bahawa:

“Setiap ujaran datang dengan jaminan relevan yang tertentu. Oleh itu, untuk memahami sesuatu ujaran bererti membuktikan kerelevannya.”

Ertinya setiap ujaran itu secara automatiknya mewujudkan jangkaan yang dapat memandu pendengar memahami makna penutur. Jangkaan ini datang dengan pelbagai rangsangan luaran dan dalaman sebagai input kepada proses kognitif (proses penginterpretasian). Input ini akan disesuaikan dengan maklumat latar belakang pendengar yang sedia ada (melalui proses tiga jenis kesan kognitif), untuk mencapai relevan yang optimum. Sekiranya input ini relevan kepada pendengar semasa diproses dalam konteks andaian yang sedia ada maka kesan kognitif positif akan dicapai. Bagaimanapun kesan kognitif ini tidak datang percuma, sebaliknya melibatkan usaha memproses yang dianggap sebagai kos terhadap pemprosesan ini.

Kekuatan TR

Kekuatan TR ini untuk diterapkan dalam analisis kajian ini terletak pada idea asas yang mendasari teori ini, iaitu dalam proses penginterpretasian ujaran ataupun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit mungkin (Sperber dan Wilson 1995:49) dan dua prinsipnya yang digagaskan berdasarkan pandangan umum tentang kognisi manusia dalam komunikasi. Berdasarkan prinsip relevans (kognitif), dijangkakan bahawa mekanisme persepsi manusia cenderung memilih secara spontan rangsangan yang relevan sahaja, mekanisme penerimaan pula cenderung mengaktifkan secara spontan andaian yang relevan sahaja dan mekanisme inferens juga cenderung memproses secara spontan rangsangan tersebut dengan cara yang paling produktif sahaja. Prinsip ini memberikan implikasi yang sangat penting terhadap proses komunikasi manusia kerana untuk berkomunikasi, penutur memerlukan perhatian pendengar, dan seperti yang dijangkakan oleh prinsip relevans komunikasi, perhatian pendengar cenderung secara automatik tertarik kepada apa-apa yang relevan sahaja pada masa itu, dan kejayaan komunikasi bergantung pada penerimaan ujaran yang paling relevan untuk diproses oleh pendengar. Oleh sebab penutur berkehendakkan ujarannya difahami, komunikasinya berjaya, maka setiap tingkah laku komunikasinya mestilah menunjukkan bahawa penutur berkehendakkan ujarannya relevan pada pendengar. (Sperber dan Noveck, 2004).

Penutur yang mahu ujarannya difahami mestilah mengekang interpretasi yang dibuat oleh pendengar dengan mengekang pemilihan konteks. Hal ini kerana pemilihan konteks yang betul dengan kos memproses yang minimum dianggap sebagai cara yang berkesan untuk mengekang penginterpretasian ujaran mengikut prinsip relevans (Blakemore, 1992: 137).

Dengan kata lain, pemprosesan maklumat dalam komunikasi manusia memerlukan usaha mental untuk mencapai kesan kognitif. Usaha untuk memberikan perhatian, mengingati dan menaakul diperlukan dan suatu kesan akan dicapai akibat proses pengubahan pada andaian atau pun kepercayaan pendengar melalui penambahan andaian baru, pengguguran andaian lama, dan perubahan dari segi darjah andaian atau kepercayaan lama.

Isu Pola Ayat Dasar Ke-4 Bahasa Melayu

Pada dasarnya, *Tatabahasa Dewan* (2004:322) telah menggolongkan empat pola ayat dasar bahasa Melayu seperti yang berikut:

	Subjek	Predikat
Pola 1	Frasa Nama	Frasa Nama
Pola 2	Frasa Nama	Frasa Kerja
Pola 3	Frasa Nama	Frasa Adjektif
Pola 4	Frasa Nama	Frasa Sendi Nama

Penggolongan pola ayat dasar oleh *Tatabahasa Dewan* ini dibuat berdasarkan bentuk dan binaan ayat yang hadir dalam bahasa Melayu. Dengan kata lain, binaan ayat-ayat dasar di atas merupakan bentuk-bentuk permukaan yang terhasil dalam pertuturan ataupun penulisan penutur bahasa Melayu. Menurut *Tatabahasa Dewan* (2004:322), walaupun bilangan ayat yang terbentuk tidak ada hadnya, demikian juga panjang dan pendeknya serta kemajmukannya, namun kesemua ayat yang terbentuk masih tetap mematuhi dan berasal daripada satu ayat dasar, iaitu pola ayat yang menjadi sumber kepada pembentukan atau terbitan semua ayat yang lain dalam sesuatu bahasa itu.

Bagi pola ayat 1, pola ayat 2, dan pola ayat 3, frasa yang mengisi konstituen subjek ialah Frasa Nama, manakala frasa yang mengisi konstituen predikat ialah Frasa Nama, Frasa Kerja dan Frasa Adjektif. Bagi pola ayat 1, pola ayat 2 dan pola ayat 3, unsur inti yang mengisi konstituen subjek itu mengkonsepsikan makna yang jelas, iaitu konsep nama yang merujuk kepada konkrit ataupun abstrak, dan makna konsep ini jelas dapat dicapai kognisi penutur bahasa Melayu. Bagi pola ayat 2, unsur inti yang mengisi konstituen predikat ialah kerja. Makna frasa ini juga dapat dicapai kognisi penutur bahasa Melayu kerana inti bagi frasa kerja ini juga mempunyai makna konsep. Bagi pola ayat 3 pula, unsur inti yang mengisi konstituen predikat ialah adjektif dan unsur ini juga mendukung makna konsep walaupun hanya makna konsep abstrak.

Bagaimanapun, bagi pola ayat 4, unsur inti yang mengisi konstituen predikat, iaitu kata sendi nama jelas sekali berbeza dengan unsur inti yang mengisi Frasa Nama, Frasa Kerja dan Frasa Adjektif kerana ia tidak mengkonsepsikan sebarang makna konsep pada penutur ataupun pengguna bahasa Melayu. Dengan kata lain, kata sendi nama yang menjadi unsur inti frasa sendi nama dalam konstituen predikat ini tidak mempunyai makna

rujukan, sama ada yang bersifat konkrit ataupun abstrak. Tidak seperti kata nama, kata kerja dan adjektif, kata sendi nama hanya difahami dan dijelaskan berdasarkan fungsi dan tugasnya dalam ayat dan bukannya berdasarkan makna konsep yang didukungnya. Misalnya kata sendi **di** bermaksud kata sendi nama yang menunjukkan tempat (*Kamus Dewan*, 1994: 301), **pada** diberikan maksud kata sendi nama yang bererti di atau kata sendi nama yang bererti terhadap, buat atau bagi dan akan atau untuk (1994:952), **ke** pula dimaksudkan sebagai kata sendi yang menunjukkan arah atau tempat yang dituju (1994: 593) dan **kepada** diberikan maksud kata untuk menyatakan arah, ke (dipakai sebelum nama orang atau pengganti diri), terhadap, akan (1994:638). Hal yang sama berlaku pada kata-kata sendi nama yang lain, maksud yang diberikan bukanlah makna atau takrifan bagi kata sendi tersebut, sebaliknya hanya huraian yang merujuk tugas ataupun fungsi nahu yang didukung oleh kata sendi tersebut dalam struktur frasa atau ayat bahasa Melayu.

Oleh yang demikian, timbul satu persoalan di sini, iaitu bagaimanakah dan mengapakah frasa sendi nama yang unsur intinya diisi oleh kata sendi nama dapat mewakili satu pola dasar ayat bahasa Melayu? Kata sendi yang tidak mengkonsepsikan sebarang makna sepatutnya menyukarkan frasa ini ditanggapi dan difahami oleh penutur ataupun pengguna bahasa Melayu selama ini. Namun hal yang sebaliknya berlaku, frasa sendi nama hadir dalam konstituen predikat ayat-ayat bahasa Melayu dan menampakkan seolah-olah kata sendi ini mempunyai makna yang dikonsepsikan dan difahami oleh penutur ataupun pengguna bahasa Melayu selama ini.

Persoalan ini nyata sekali memerlukan penjelasan dan analisis yang mendalam berdasarkan konteks penggunaan yang sebenar dalam kehidupan sehari-hari penutur dan pengguna bahasa Melayu. Dan kajian seumpama ini hanya dapat ditangani oleh bidang pragmatik, satu-satunya bidang kajian dalam linguistik yang dapat menjelaskan dan memerikan makna dan penggunaan bahasa berdasarkan konteks. Dengan menggunakan pendekatan pragmatik, khususnya kerangka TR, pengkaji percaya persoalan kewujudan pola ayat ke-4 dalam bahasa Melayu akan dapat dijawab dengan lebih kritis dan empiris berdasarkan prinsip-prinsip relevans kognitif dan komunikatif serta idea-idea yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1986,1995).

Bagi menjawab persoalan kajian ini secara empiris dan objektif, maka kajian ini didasarkan pada data korpus yang merentasi zaman dan ruang lingkup yang luas, genre dan laras yang pelbagai yang dapat menyediakan kepelbagaian penggunaan kata sendi nama dalam

konstituen predikat. Kajian tanpa sumber data yang sahih dan nyata, yang dapat mewakili penggunaan bahasa penutur asli bahasa Melayu, tentunya akan mengimplikasikan dapatan yang tidak sahih dan tidak empiris juga. Oleh itu, data korpus yang diperoleh daripada pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan jaminan bahawa dapatan kajian ini merupakan dapatan yang objektif dan autentik sifatnya yang mencerminkan tingkah laku tipikal kata dan frasa dalam bahasa Melayu dalam persekitaran penggunaan yang sebenar.

Dengan menggunakan pendekatan pragmatik dan bersumberkan data korpus, kajian ini dipercayai dapat menjelaskan dengan perinci dan sempurna tentang fenomena penggunaan pola ayat dasar ke-4 ini. Kajian pragmatik bersumberkan data korpus ini membolehkan pengkaji membuat kenyataan yang objektif dan bukannya kenyataan yang bersifat subjektif atau yang berdasarkan persepsi kognitif dalaman seseorang individu terhadap bahasa.

Pemerian Pola Ayat Dasar Ke-4 Bahasa Melayu dari Perspektif Pragmatik

Sekiranya kita menerima penggolongan pola ayat dasar ke-4 seperti yang dicadangkan oleh *Tatabahasa Dewan* (2004:322), maka tentunya kita perlu mempertimbangkannya semula berdasarkan data korpus yang berikut:

Jadual 1 Kekerapan penggunaan berdasarkan 10 000 ayat bagi setiap frasa sendi nama.

Kata sendi nama	Kekerapan	Peratusan
di	151	1.5%
ke	630	6.3%
kepada	158	1.58%
dari	830	8.3%
daripada	210	2.1%
untuk	113	1.1%
pada	172	1.7%

Jadual di atas menunjukkan kekerapan penggunaan frasa sendi nama dalam 10 ribu ayat bagi setiap frasa sendi nama. Bagaimanapun, yang perlu diketengahkan di sini ialah, hanya sejumlah kecil bilangan data yang

HASMIDAR HASSAN

benar-benar mematuhi pola ayat dasar ke-4, FN + FSN dan yang selebihnya mengisi konstituen pelengkap, penerang atau adjung, khususnya dalam ayat majmuk dan bukannya dalam ayat selapis. Perhatikan jadual yang berikut:

Jadual 2 Kekerapan dan peratusan FSN dalam struktur pola ayat dasar ke-4, FN + FSN.

Kata sendi nama	Kekerapan	Peratusan
di	56	0.56%
ke	130	1.3%
kepada	63	0.63%
dari	487	4.87%
daripada	72	0.72%
untuk	69	0.69%
pada	85	0.85%

Yang berikut ialah contoh beberapa ayat yang hadir dalam struktur pola ayat dasar FN + FSN yang dipetik daripada korpus:

1. Bank Simpanan Nasional (BSN) dan MAA Holdings Bhd dan Solidarity Co ***dari*** Bahrain.
2. Mohd Najib *** dari*** Kampung Setia Jaya, Simpang Renggam, Kluang.
3. Tengku Embon Suria Tunku Abdul Majid ***daripada*** keluarga diraja Kelantan.
4. “Kami ***ke*** Malaysia”.
5. “Kami ***ke*** Butik Miss Gladys Sym Choon ”.
6. “Sekarang, ayah ***ke*** Singapura”.
7. “Kita ***ke*** pasar dulu.
8. “Pak Su ***ke*** Simpang tadi?”
9. “Saya dan Lim ***ke*** Johor Bahru.
10. Ce’ Gu Yusuf dan isterinya ***ke*** Singapura.
11. “Malam ini, kita ***ke*** Kukup ya.”
12. Pagi-pagi mereka ***ke*** universiti, dengan kereta.
13. Satu kali ***ke*** Pandan.
14. Satu kali ***ke*** kedai Baba Sun.
15. Satu ***pada*** Jaya, satu lagi ***pada*** Riok.

16. Yang lain ***pada*** rumahnya masing-masing.
17. Tangan kanannya ***pada*** pergelangan tangan kanan Malik, dan tangan kirinya ***pada*** pergelangan tangan kiri Usman.
18. Jalan kecil ***untuk*** orang jalan kaki sahaja.
19. Pondok ***untuk*** diam seorang sahaja.
20. Kain batik Kelantan ***untuk*** Mak Usu.
21. Bunga plastik ***untuk*** Edah.
22. Topi itu ***untuk*** menahan panas matahari.
23. Tugas mereka ***untuk*** merobohkan jambatan besar di Sungai Binjai.

Berdasarkan Jadual 2, bilangan ataupun kekerapan penggunaan frasa sendi nama yang mematuhi struktur FN + FSN jelas sekali tidak mencukupi dan memadai untuk menggolongkan FN + FSN sebagai satu pola ayat dasar bahasa Melayu. Penggunaannya tidak cukup lazim dan tidak begitu meluas dalam kalangan pengguna bahasa Melayu, khususnya dalam bentuk bertulis. Untuk diterima sebagai satu pola ayat dasar bahasa Melayu, kekerapan penggunaan struktur ini haruslah tinggi, melebihi 50% daripada jumlah ayat yang dikaji bagi mencerminkan kelaziman penggunaannya dalam kalangan pengguna ataupun penutur bahasa Melayu.

Bagaimanapun, walaupun peratus kekerapan pola ayat dasar ke-4 ini rendah, hakikat kewujudan struktur FN + FSN ini dalam komunikasi sehari-hari sama ada secara bertulis mahupun lisan tidak boleh dinafikan, dan kewujudan ini sebenarnya lebih praktis dijelaskan berdasarkan perspektif pragmatik khususnya TR.

Kewujudan struktur FN + FSN ini sebenarnya beralasan dan didasari oleh idea asas yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1995) dalam TR tentang kognitif manusia, iaitu kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai relevan yang optimum dengan kos memproses yang minimum semasa memproses ujaran. Idea asas ini sebenarnya merupakan prinsip utama yang diketengahkan dalam TR ini, iaitu Prinsip Relevans Kognitif. Prinsip ini menjelaskan bahawa oleh sebab setiap pendengar sentiasa berkecenderungan untuk memilih hanya rangsangan (input) yang paling relevan dalam persekitarannya dan memproses input-input tersebut bagi mencapai relevan yang paling maksimum, maka penutur pula akan bertindak menghasilkan rangsangan yang dapat menarik perhatian, membantu menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dihajatkan. Tambah Sperber dan Wilson, penutur yang menggunakan rangsangan yang ostensif dapat

mewujudkan andaian relevans yang lebih tepat dan yang dijangkakan kerana pendengar berpendapat bahawa rangsangan ostensif ini berbaloi diproses untuk mencapai relevan yang optimum (Prinsip Relevans Komunikatif). Ertinya, oleh sebab penutur bermatlamatkan ujarannya difahami dan dimengerti maka penutur mestilah dengan sedaya upaya memastikan ujarannya mudah difahami, jelas dan terang dan membolehkan kesan kognitif dicapai dengan mudah tanpa melibatkan kos memproses yang tinggi oleh pendengar.

Dalam hal ini, struktur FN + FSN dipercayai rangsangan yang paling ostensif dan yang paling relevan (memberikan kesan kognitif yang tinggi dengan usaha memproses yang rendah) dalam batas keupayaan dan pilihan penutur. Penghasilan struktur FN + FSN ini dipercayai tidak akan menyebabkan pendengar berusaha lebih dalam proses penginterpretasian ujaran. Dengan kata lain, ayat-ayat bahasa Melayu dengan pola FN + FSN ini secara relatifnya bersifat ekonomis dan paling relevan pada pendengar pada masa tersebut. Ayat-ayat yang berstruktur FN + FSN ini dihasilkan ini dengan jaminan relevan yang optimum. Ertinya, setiap ujaran FN + FSN ini secara automatiknya mewujudkan jangkakan yang dapat memandu pendengar secara khusus prosedur untuk memahami maksud penutur.

Jaminan bahawa ujaran ataupun ayat yang berstruktur FN + FSN dapat diinterpretasikan dengan mudah berasaskan maklumat latar belakang pendengar dan masukan ensiklopedik tentang struktur dalaman FN + FSN (Tatabahasa Dewan, 2004:322) menegaskan bahawa struktur ayat yang dikaji ialah struktur permukaan yang terhasil dalam pertuturan ataupun penulisan penutur bahasa Melayu). Oleh itu, struktur FN + FSN dijangka lebih mudah difahami kerana pengetahuan tentang struktur dalamannya membantu pendengar memproses ayat ini dengan mudah. Struktur dalaman bagi FN + FSN sebenarnya ialah pola ayat dasar ke-2, iaitu FN + FK. Bagi menjelaskan fenomena ini, diperturunkan struktur dalaman bagi ayat 1–23 di atas, seperti yang berikut:

24. Bank Simpanan Nasional (BSN) dan MAA Holdings Bhd dan Solidarity Co **berasal** ***dari*** Bahrain.
25. Mohd Najib **berasal** ***dari*** Kampung Setia Jaya, Simpang Renggam, Kluang.
26. Tengku Embon Suria Tunku Abdul Majid **berasal** ***daripada*** keluarga diraja Kelantan.
27. “Kami **pergi/ berkunjung/ melawat** ***ke*** Malaysia”.
28. “Kami **berkunjung** ***ke*** Butik Miss Gladys Sym Choon”.

29. “Sekarang, ayah **pergi** ***ke*** Singapura”.
30. “Kita **pergi** ***ke*** pasar dulu.
31. “Pak Su **pergi** ***ke*** Simpang tadi?”
32. “Saya dan Lim **pergi** ***ke*** Johor Bahru.
33. Ce’ Gu Yusuf dan isterinya **pergi/berkunjung** ***ke*** Singapura.
34. “Malam ini, kita **pergi*****ke*** Kukup ya.”
35. Pagi-pagi mereka **bertolak** ***ke*** universiti, dengan kereta.
36. Satu kali **pergi** ***ke*** Pandan.
37. Satu kali **pergi*****ke*** kedai Baba Sun.
38. Satu **ada** ***pada*** Jaya, satu lagi **ada** ***pada*** Riok.
39. Yang lain **ada** ***pada*** rumahnya masing-masing.
40. Tangan kanannya **ada** ***pada*** pergelangan tangan kanan Malik, dan tangan kirinya **ada** ***pada*** pergelangan tangan kiri Usman.
41. Jalan kecil **dikhaskan/disediakan** ***untuk*** orang jalan kaki sahaja.
42. Pondok **dibina*****untuk*** diam seorang sahaja.
43. Kain batik Kelantan **dibeli** ***untuk*** Mak Usu.
44. Bunga plastik **dibeli*****untuk*** Edah.
45. Topi itu **dipakai** ***untuk*** menahan panas matahari.
46. Tugas mereka **adalah** ***untuk*** merobohkan jambatan besar di Sungai Binjai.

Hakikat bahawa FN + FSN ini dapat difahami oleh pendengar/pengguna bahasa Melayu cukup jelas kerana frasa kerja yang hadir dalam struktur dalaman itulah yang **memaknakan setiap frasa sendi nama yang hadir bersama-samanya**. Dengan kata lain, frasa sendi nama mendapat tempas makna konsep yang didukung oleh setiap frasa kerja yang hadir sebelumnya. Oleh itu, walaupun frasa kerja tidak hadir dalam struktur luaran FN + FSN, pendengar masih dapat membuat jangkaan bentuk frasa kerja yang hadir dalam struktur dalamannya. Hal ini demikian kerana setiap frasa sendi nama itu dikatakan berkolokasi dengan kata kerja. Maksud kolokasi merujuk kombinasi kata-kata yang mempunyai jangkaan hadir bersama-sama dalam sesuatu ayat tertentu. Misalnya frasa sendi **ke** hanya dapat menerima satu daripada kata kerja berikut, misalnya; pergi, berkunjung, melawat, melancong, menuju dan kata kerja lain yang bersesuaian dengan konteks ayat, misalnya berhijrah ke ..., belayar ke ... bergerak ke ... berjalan ke ... dan sebagainya. Begitulah juga halnya dengan frasa-frasa sendi nama yang lain (lihat ayat 24–46 di atas).

Mengikut TR, struktur FN + FSN ini dianggap relevan pada pendengar

HASMIDAR HASSAN

kerana apabila ayat ini diproses dalam konteks andaian yang sedia ada (mengaitkannya dengan maklumat latar belakang) akan menghasilkan kesan kognitif yang positif. Hal ini selaras dengan prinsip relevans kognitif, yang menjangkakan bahawa mekanisme persepsi manusia cenderung memilih secara spontan rangsangan yang relevan sahaja, mekanisme penerimaan pula cenderung mengaktifkan secara spontan andaian yang relevan sahaja dan mekanisme inferens juga cenderung memproses secara spontan rangsangan tersebut dengan cara yang paling produktif sahaja. Prinsip ini memberikan implikasi yang sangat penting terhadap proses komunikasi manusia, kerana untuk berkomunikasi, penutur memerlukan perhatian pendengar, dan seperti yang dijangkakan oleh prinsip relevans komunikasi, perhatian pendengar cenderung secara automatik tertarik kepada apa-apa yang relevan sahaja pada masa itu, dan kejayaan komunikasi bergantung pada penerimaan ujaran yang paling relevan untuk diproses oleh pendengar. Oleh sebab penutur berkehendakkan ujarannya difahami, komunikasinya berjaya, maka setiap tingkah laku komunikasinya mestilah menunjukkan bahawa penutur berkehendakkan ujarannya relevan kepada pendengar. (Sperber dan Noveck, 2004).

Walaupun kata sendi nama tidak mengkonsepsikan sebarang makna, namun sebenarnya dalam konteks TR, kata sendi nama dalam frasa sendi nama seperti dalam ayat 1–23 mengekodkan makna prosedur. Menurut Blakemore, makna prosedur ini penting sebagai “cara untuk meningkatkan penonjolan kiraan inferens tertentu”. Ertinya kata sendi nama yang mengekodkan makna prosedur membolehkan pendengar memahami ayat ini dengan jelas dan mudah, sekali gus meningkatkan kesan kognitif yang dicapai oleh pendengar dengan kos memproses yang rendah.

Huraian yang diberikan di atas difikirkan amat berpada dan praktis bagi menjelaskan kewujudan struktur ayat FN + FSN dalam komunikasi penutur dan pengguna bahasa Melayu. Tanpa kita sedari, kognitif penutur Melayu sudah sekian lama mematuhi prinsip-prinsip Relevans seperti yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson dalam berkomunikasi, cuma hanya kini persoalan ini dapat dijelaskan dengan empiris berdasarkan idea dan gagasan serta prinsip-prinsip TR oleh Sperber dan Wilson yang muncul lewat 80-an dan diperkemas pada tahun 1995.

KESIMPULAN

Penjelasan dari perspektif pragmatik berdasarkan data korpus yang diperoleh daripada Dewan Bahasa dan Pustaka yang diberikan di atas,

secara jelas dapat membuktikan struktur FN + FSN tidak seharusnya digolongkan sebagai satu pola dasar dalam ayat bahasa Melayu. Kekerapannya tidak tinggi dan penggunaannya juga tidak lazim dalam komunikasi yang baku oleh penutur/pengguna bahasa Melayu. Namun kewujudannya diakui dan tidak dinafikan, dan fenomena kewujudannya boleh dijelaskan dari perspektif pragmatik berdasarkan prinsip relevans kognitif dan prinsip relevans komunikatif serta idea-idea asas gagasan Sperber dan Wilson. Yang jelas, bahasa yang dituturkan pengguna/penutur bahasa Melayu tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya atau tanpa alasan atau tujuan yang tertentu, sebaliknya bahasa Melayu digunakan sebagai ekspresi seseorang penutur untuk menyatakan sesuatu pemikiran yang dimaksudkan. Bagi TR, kewujudan struktur FN + FSN dalam bahasa Melayu sejak sekian lama sebenarnya memenuhi suatu prinsip komunikasi yang didasari oleh ciri asas kognisi manusia yang sentiasa bermatlamatkan maklumat yang paling relevan dengan kos memproses yang minimum semasa memproses ujaran.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blakemore, D., 1992. *Understanding Utterances*. Oxford: Blackwell.
- Blakemore, D., 1995. "Relevance Theory" dlm. Verschueren, J.-O., Ostman dan Blommaert, J.J., (ed.), *Handbook of Pragmatics*. Amsterdam: John Benjamins.
- Carston, R, 1998b. "The Semantics/Pragmatics Distinction: A View from Relevance Theory" dlm. *UCL Working Papers in Linguistics*, 10, hlm. 53 – 80, 1998.
- Carston, R., 2002b. *Thoughts and Utterances*. Oxford: Blackwell.
- Frawley, W., 1992. *Linguistic Semantics*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Gibbs, R.W., "A New Look at Literal Meaning in Understanding What is Said and Implicated" dlm. *Journal of Pragmatics* 34:4, hlm. 457 – 486, 2002.
- Horn dan Ward, 1999. "Pragmatics" dlm. Wilson, R dan Keil, F (ed.), *The MIT Encyclopedia of the Cognitive Sciences*. Cambridge: MIT Press.
- Katz, J.J., 1987. "Common Sense in Semantics" dlm. Lepore, Ernest (ed.) *New Directions in Semantics*. London: Academic Press.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

HASMIDAR HASSAN

- Lyons, J., 1995. *Linguistic Semantics. An Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2004. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, “Semantik dan Pragmatik dalam Teori Relevans” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 34:6, hlm. 450 – 459, 1990.
- Nor Hashimah Jalaluddin, “Bahasa, Sosialisasi dan Kognitif: Satu Pendekatan Teori Relevans” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 42:12, hlm. 1084 – 1093, 1998.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. *Bahasa dalam Perniagaan. Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer, F.R., 1989. *Semantik*. Diterjemah oleh Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: USM dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Recanati, F., 2002. “Pragmatics and Semantics” dlm. Horn, L. dan Ward, G. (ed.) *Handbook of Pragmatics*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D. dan Wilson, D., 1995. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D. dan Wilson, D., 1998. “Mutual Knowledge and Relevance in Theories of Comprehension” dlm. Asa Kasher (ed.), *Pragmatics Critical Concepts. Vol IV: Presupposition Implicature and Indirect Speech Acts*. London and New York: Routledge, 369 – 382.
- Sperber, D. & Noveck, I., 2004. “Introduction” dlm. Noveck, I. dan Sperber, D. (ed.) *Experimental pragmatics*. Palgrave, 1–22.
- Wilson, D., 1994. “Relevance and Understanding” dlm. G. Brown, K., Malmkjær, A. Pollit dan J. Williams (ed.) *Language and Understanding*. Oxford: Oxford University Press, 35–58.
- Wilson, D. dan Sperber, D., 1990. “Representation and Relevance” dlm. Kempson, R.M (ed.) *Mental Representations: The Interface between Language and Reality*. Cambridge: Cambridge University Press, 133–153.
- Wilson, D. dan Sperber, D., 1993. “Linguistic Form and Relevance” dlm. *Lingua*, 90: 1–25.
- Wilson, D. dan Sperber, D., 2004. “Relevance Theory” dlm. Ward, G dan Horn, L. (ed.) *Handbook of Pragmatics*. Oxford: Blackwell.
- Zainal Abidin Ahmad (Za’ba), 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za’ba), 2000. *Pelita Bahasa Melayu*. Penggal I-III (Edisi Baharu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.